

Kajian Geofizik Kejuruteraan Dalam Penentuan Satah Gelinciran di km 6, Jalan Temerloh-Mentakab, Pahang

**RAHMAN B. YACCUP, ABDUL RAHIM SAMSUDIN, UMAR HAMZAH & ABDUL GHANI
RAFEK**

Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

Satu kajian geofizik kejuruteraan telah dilakukan secara terperinci untuk mengkaji gelinciran tanah, di km 6, Jalan Temerloh-Mentakab, Pahang. Hasil kajian menunjukkan, terdapat tiga satah lemah yang mungkin mewakili satah gelinciran untuk cerun potongan jalan yang dikaji. Satah-satah ini dijumpai di kedalaman 5.45 m, 10.1 m dan 15.45 m dari permukaan. Satah pertama dicirikan oleh nilai $N = 6$, peratusan bahan bersaiz $< 63 \mu\text{m}$ lebih daripada 63%, perubahan halaju gelombang P dari 510 m/s ke 1,700 m/s dan gelombang S dari 250 m/s ke 960 m/s. Satah kedua dicirikan oleh perubahan halaju purata gelombang P dari 670 m/s ke 2,210 m/s, perubahan halaju sela gelombang S dari 320 m/s ke 870 m/s dan kadar penusukan mata gerudi 10 cm/minit. Sementara satah ketiga dicirikan oleh purata halaju gelombang P yang berubah dari 610 m/s ke 2,300 m/s, gelombang S dari 180 m/s ke 890 m/s, halaju penusukan mata gerudi yang pantas iaitu berjulat 6.33 cm/minit–10 cm/minit dan nilai kerintangan penusukan piawai $N = 10$.
